

**Rantau Panjang:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengatur tiga fasa bantuan banjir dalam usaha melicinkan gerakan menyelamatkan mangsa di seluruh negeri.

Fasa itu membabitkan pra banjir, banjir dan pascabanjir yang akan membabitkan 2,500 kakitangan lain-lain pangkat.

Panglima 8 Briged Infantri Brigidier Jeneral Zarondin Md Amin berkata, ketika ini semua pegawai dan anggotanya sudah bersiap sedia bersama kekuatan aset termasuk 41 bot dan helikopter.

"Ketika ini, seramai 464 pegawai dan anggota sudah ditempatkan di 10 jajahan sejak 25 November lalu untuk membuat tinjauan dan mengadakan hubungan rapat dengan penduduk setempat.

"Sekiranya banjir melanda, 1,000 pegawai dan anggota akan digerakkan untuk membantu memin-dahkan mangsa, menyediakan kemudahan logistik di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan ban-

# ATM atur tiga fasa bantuan banjir

tuan perubahan.

"Seramai 1,000 anggota lagi akan membantu mangsa selepas banjir berakhir. Sekiranya memerlukan tambahan, bantuan luar akan dipanggil iaitu dari Markas Dua Divisyen Pulau Pinang," katanya selepas melakukan tinjauan lebih sejam bersama media di enam kampung, di sini yang terputus hubungan selepas kawasan dinaiki air, semalam.

Antara kampung yang dilawati termasuk Kampung Bang-

gol Nyior, Kampung Banggor, Kampung Binjai dan Kampung Kelewar.

Zarondin turut mengambil kesempatan beramah mesra dan menasihati penduduk supaya berpindah sekiranya banjir melangkaui paras selamat.

Dalam pada itu, beliau berkata, tumpuan kini diberikan kepada lima jajahan yang sering menghadapi masalah banjir iaitu Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang.

Zarondin berkata, pihaknya

kini memberi tumpuan sepenuhnya kepada jajahan yang sering dinaiki air iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang.

"Di kawasan ini kita tem-patkan lebih ramai anggota sebagai langkah berjaga-jaga untuk menghadapi segala kemungkinan.

"Yang utamanya penduduk dinasihatkan supaya memberi kerjasama untuk berpindah, jika diarahkan berbuat demikian untuk mengelak kejadian tidak diingini," katanya.

Dalam perkembangan sama, kawalan di sempadan masih di-jalankan bagi mengelak penye-ludup mengambil kesempatan, biarpun beberapa perkampung-an di Sungai Golok sudah dinaiki air.

"Pasukan kawalan sempadan masih dengan rutian harian, cuma mereka akan turut bantu mangsa banjir yang memerlukan di kawasan berhampiran," katanya.

**PENDUDUK** Kampung Banggol Nyior menggunakan bot untuk keluar mencari makanan.

